

Dampak Kandungan Keganasan dalam Media kepada Khalayak

Mokhtar Muhammad*

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel Perhubungan: mukhtar_413@yahoo.com

Abstrak

Makalah ini membincangkan hubungan antara isi kandungan media yang mengandungi elemen keganasan dengan kekejaman dan keganasan dalam dunia nyata. Keganasan yang ditonjokan oleh media ini dikhuatiri menimbulkan ancaman kepada khalayak kerana ianya boleh membawa kepada peningkatan keganasan dan kekejaman dalam dunia sebenar. Filem fiksiyen bertemakan keganasan telah menyumbang kepada peningkatan pencerobohan dan keganasan dalam kalangan penonton muda. Kandungan keganasan dalam berita televisyen turut menyumbang kepada peningkatan keganasan; ada penonton terpengaruh untuk turut membunuh diri dan bertindak kejam. Permainan video pula menghasilkan peningkatan keganasan dan kekerasan dalam jangka pendek, walaupun tiada kajian tentang kesan jangka panjang yang telah dilakukan dan diperakui. Secara purata, kesan itu cukup besar untuk diletakkan dalam kategori ancaman ke atas kehidupan awam. Salah satu perubahan yang jelas dalam persekitaran sosial semasa adalah apabila radio, televisyen, filem, video, permainan video, dan rangkaian komputer telah merosakkan peranan utama dalam kehidupan seharian kita. Dengan peningkatan pendedahan kepada media massa, kandungan keganasan dalam media massa, menimbulkan kebimbangan para pengkaji sejak bertahun-tahun lamanya. Perkara ini tidak boleh diabaikan kerana ada penonton mungkin didedahkan dengan keganasan dalam pelbagai bentuk media massa secara tidak langsung dan tanpa disedari. Selain itu, keganasan juga merupakan suatu bentuk hiburan. Sebagai contoh, ada orang suka menonton atau membaca berita jenayah ganas dan juga suka menonton filem yang mengandungi unsur-unsur kejam. Memandangkan kesan media dan kuasa mempengaruhi penonton, terdapat banyak dapatan penyelidikan yang menunjukkan kandungan keganasan meningkatkan kemungkinan kelakuan ganas dalam kalangan khalayak untuk hidup dalam persekitaran keganasan sebenar.

Kata Kunci: Kekejaman, Televisyen, Kanak-kanak, Belia, Kandungan Keganasan, Media Massa.